

um 15/3/07 MS 11

Bijak peliharaan alam sekitar

PEMANASAN global bukanlah isu baru di dunia, malangnya tiada tindakan segera diambil untuk mengatasi krisis ini. Malah disebabkan oleh beberapa faktor membuatkan kita merasakan tidak ingin ambil tahu isu pemanasan global.

Namun faktor paling utama ialah sikap kita yang beranggapan apa kena mengena pemanasan global dengan kita semua, sedangkan realitinya apa sahaja yang kita lakukan sebenarnya menyumbang kepada pemanasan global.

Kita perlu menyedari bahawa kejadian banjir besar di Johor pada Disember 2006 sebenarnya berpunca daripada sikap rakyat negara ini dan dunia yang tidak mengambil berat mengenai pemanasan global.

Saintis Majlis Penyelidikan Alam Sekitar United Kingdom, Dr. Elizabeth Hawker mendedahkan bahawa pemanasan global menyebabkan suhu dunia semakin meningkat yang berpunca daripada pelepasan karbon dioksida ke atmosfera.

Keadaan ini menyebabkan ais di Antartika mencair meningkatkan paras air laut sebanyak 100 hingga 200 milimeter, malahan keadaan cuaca panas di dunia bermula sejak tahun 1980. Tahun 1998 merupakan tahun paling panas sejak tahun 1960.

Kesan pemanasan global ini menurut Dr. Elizabeth juga menyebabkan ais di Greenland mencair, udara panas mengandungi lebih banyak kelembapan menyebabkan berlakunya hujan yang lebih kerap di kawasan tanah tinggi serta lebih banyak air tawar di Artik berbanding di Atlantik Utara.

Beliau memberitahu, bencana yang akan berlaku di dunia pada masa depan akibat daripada pemanasan global bergantung kepada apa yang dilakukan oleh manusia sekarang.

“Kita bertanggungjawab sepenuhnya apabila berlakunya banjir besar, tanah runtuh, cuaca panas melampau dan kalau kita tidak melakukan sesuatu, bencana ini akan menghapuskan manusia di muka bumi lebih cepat daripada jangkaan semua.

“Oleh itu sebagai individu kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pemanasan global dapat dikurangkan dengan mengetahui tanggungjawab kita kepada alam sekitar, mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan kurangkan pemanasan

global dari rumah hijau,” katanya pada Minggu Perubahan Cuaca: Kurangkan Karbon, Kembangkan Keuntungan yang dianjurkan oleh YTL Corporation Berhad.

Bagi Pengarah Urusan YTL, Tan Sri Francis Yeoh pula syarikat yang diterajunya tidak akan terlibat dalam dua bidang perniagaan iaitu perjudian yang dilihat sebagai punca kemusnahan institusi keluarga dan perniagaan perabot kerana ia dilihat sebagai pemusnah alam sekitar.

Beliau memberitahu, syarikat yang diterajunya itu kini mengambil inisiatif untuk mewujudkan kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai pemanasan dan perubahan cuaca dunia.

“Sekarang ini saya sentiasa mempertikaikan setiap tindakan yang saya lakukan ataupun syarikat, misalnya kalau saya memakai tali leher warna hijau ia menyebabkan saya terfikir berapa banyak pokok ditebang untuk membuat warna hijau bagi mewarnakan tali leher ini.

“Inilah kesedaran yang telah bertapak di hati saya, kesedaran untuk melindungi dunia daripada pemanasan dan perubahan cuaca untuk generasi akan datang,” katanya.

Tegas beliau, setiap individu mempunyai peranan untuk mengurangkan kesan kepada pemanasan dan perubahan cuaca dunia dan hakikatnya kita semua boleh melakukannya.

Minggu Perubahan Cuaca YTL ini juga memberikan 10 cara mudah bagaimana kita boleh melakukan perubahan dan mengurangkan sumbangan yang menyebabkan berlakunya pemanasan dan perubahan cuaca dunia.

Pada dasarnya menggunakan bahan api fosil seperti petrol, pembersihan tanah, pertanian dan pelbagai lagi aktiviti manusia melepaskan karbon dioksida ke atmosfera dan gas ini memerangkap panas matahari dan meningkatkan suhu.

Oleh itu 10 cara mengurangkan pelepasan karbon dioksida ialah pertama mengurangkan penggunaan air panas kerana ia memerlukan tenaga yang banyak untuk memanaskan air, lebih kurang air panas yang kita gunakan akan mengurangkan pelepasan tiga ton karbon dioksida setahun dan membasuh baju dengan menggunakan air sejuk akan mengurangkan pelepasan gas tersebut sebanyak 225 kilogram setahun.

Kedua ialah dengan menanam pokok iaitu sebatang pokok yang kita tanam akan



SEEKOR anak itik mencari makanan di sebuah tasik yang kering kontang akibat pemanasan global di Wilayah Sichuan, China.

– Reuters

Sebagai individu kita mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pemanasan global dapat dikurangkan dengan mengetahui tanggungjawab kita kepada alam sekitar, mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan kurangkan pemanasan global dari rumah hijau

menyerap satu ton karbon dioksida bagi tempoh hayat pokok yang ditanam.

Ketiga dengan memadamkan kuasa alat elektronik yang digunakan seperti televisyen, radio dan komputer ketika tidak digunakan akan mengurangkan pelepasan beribu-ribu kilogram karbon dioksida setahun.

Keempat ialah dengan mengelakkan barang-barang yang menggunakan terlampau banyak pembungkus kerana kita boleh mengurangkan pelepasan 545 kilogram karbon dioksida setahun sekiranya kita mengurangkan sampah sebanyak 10 peratus setahun.

Kelima dengan menggunakan lampu pendarfluor ia akan mengurangkan 400 kilogram karbon dioksida setahun.

Keenam mengurangkan penggunaan kenderaan sebaliknya lebih banyak berjalan kaki, berbasikal, berkongsi kereta atau

menggunakan pengangkutan awam, kita akan mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 1.5 kilogram setiap lima kilometer sekiranya kita kurang menggunakan kenderaan.

Ketujuh kita perlu lebih banyak kitar semula di mana kita akan mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 1,000 kilogram setahun sekiranya kita kitar semula separuh dari sampah dari rumah.

Kesembilan dengan memeriksa tekanan angin tayar kenderaan kerana ia akan meningkatkan kecekapan penggunaan bahan bakar di mana setiap liter petrol yang dijitamkan akan mengurangkan pelepasan 2.5 kilogram karbon dioksida ke atmosfera.

Kesepuluh ialah memastikan kenderaan diperiksa mengikut masa yang ditetapkan kerana ia akan meningkatkan kecekapan bahan bakar dan mengurangkan pelepasan karbon dioksida.